

Lans Koperal dipercayai subahat seludup syabu

Johor Bahru: Seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal ditahan Khamis lalu, dipercayai bersekongkol dengan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa yang menjadikan Muar sebagai lokasi menyeludup keluar bahan itu.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata anggota polis berusia 40 tahun dan bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar itu ditahan susulan tangkapan tiga suspek sindiket berkenaan pada 6 Jun lalu.

Katanya, Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Daerah Muar bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua melancarkan operasi khas dadah membabitkan serbuan di sekitar daerah berkenaan.

“Semuanya bermula pada 1 Jun lalu apabila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 25 kilogram (kg) syabu dan 14kg ecstasy di Pantai Muara Parit Samsu, Muar namun dua suspek terbabit berjaya melepaskan diri.

“Susulan itu, satu operasi khas dilancarkan 6 Jun lalu oleh BSJN Daerah Muar bersama PPM Wilayah Dua bagi mengesan dua suspek berkenaan sebelum mereka ditahan termasuk seorang lagi suspek yang semuanya orang tempatan bersama sejumlah rampasan dadah.

“Hasil soal siasat terhadap tiga suspek berkenaan membawa kepada penahanan seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal dari IPD Muar yang dipercayai bersekongkol dengan sindiket penye-

ludupan dadah antara-bangsa pada Khamis lalu.

“Empat suspek berkenaan berusia antara 23 hingga 40 tahun,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Ayob Khan berkata, hasil siasatan awal mendapati, 33kg syabu dipercayai dibawa dari utara Semenanjung ke Muar untuk diseludup ke Indonesia menerusi jalan laut.

“Daripada jumlah itu, 25kg syabu sudah dirampas PPM Wilayah Dua pada 1 Jun lalu dan polis masih mengesan 6kg lagi syabu bersama dua anggota sindiket berkenaan yang masih bebas.

“Dalam serbuan 6 Jun lalu, polis merampas 2.1kg syabu bernilai RM84,000 dan sebuah kereta bernilai RM10,000,” katanya.